

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERAK(PPANPk)
NO. 17, JALAN RAJA DIHILIR, 30350 IPOH, PERAK**

**TAWARAN UNTUK MENJALANKAN PERNIAGAAN TRAK JUALAN DI
BANGUNAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERAK(PPANPk)**

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah **Kod Bidang Makanan Bermasak Islam (040103,080501), Kod Bidang Bekalan Pejabat Dan Alat Tulis (020601,020602,020603,020604), Kod Bidang Perkhidmatan Fotostat (222010) & Kod Bidang Cenderamata Dan Hadiah (030201)** untuk menjalankan perniagaan trak jualan di Bangunan Perpustakaan Awam Negeri Perak bagi tempoh dua (2) tahun. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli di Unit Pentadbiran (waktu pejabat) secara **PERCUMA** atau muat turun di laman web jabatan: ppanpk.gov.my mulai tarikh **02 Oktober 2020 hingga 16 Oktober 2020**.

ARAHAN KEPADA PEMBEKAL

1. Tiap-tiap tawaran hendaklah disertakan dengan **wang pertaruhan sebanyak RM200.00 melalui Kiriman Wang**. Wang ini akan dikembalikan kepada pembekal jika tawarannya tidak berjaya tetapi akan hilang bila pembekal yang berjaya enggan menandatangani surat setuju terima/dokumen perjanjian setelah ditawarkan menjalankan trak jualan tersebut.
2. Tiap-tiap tawaran hendaklah disertakan dengan jadual tawaran harga makanan dan butir-butir pengalaman (profil) pembekal.
3. Setiap tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda “Tawaran untuk menjalankan perniagaan trak jualan” dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut Harga di Unit Pentadbiran, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak, No. 17, Jalan Raja DiHilir, 30350 Ipoh, Perak.
4. Tawaran Sebut Harga ditutup sebelum atau pada jam **12 tengah hari 16 Oktober 2020**.
5. Tawaran yang diterima lewat atau yang tidak disertakan dengan wang pertaruhan tidak akan dipertimbangkan.
6. Tiap-tiap tawaran hendaklah diakui sah oleh pembekal dan tidak boleh ditarik balik dalam masa 90 hari dari tarikh tutup tawaran.
7. Pihak PPANPk tidak terikat untuk menerima tawaran yang lebih rendah atau lebih tinggi atau serupa harganya dengan tawaran-tawaran lain.
8. Pembekal yang berjaya hendaklah bersetuju untuk menandatangani Surat Setuju Terima dan dokumen Perjanjian seperti mana yang disediakan dan mematuhi segala syarat perjanjian tersebut.

9. Pembekal yang tidak mengembalikan Surat Setuju Terima kepada PPANPk dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh penerimaan tawaran adalah dianggap tidak berminat dan tawaran tersebut terbatas dengan sendirinya.

SYARAT-SYARAT TAWARAN SEBUT HARGA

1. Pembekal yang berjaya hendaklah membayar **deposit sebanyak dua (2) bulan sewa bulanan seperti yang ditawarkan. Sewa bulanan yang ditawarkan hendaklah tidak kurang daripada RM100.00 (Ringgit Malaysia: satu ratus sahaja).**
2. Pembekal yang berjaya hendaklah membayar **deposit elektrik dan air sebanyak RM500,00**. Selepas tamat tempoh perkhidmatan trak jualan pembekal boleh menuntut deposit tersebut secara bertulis apabila semua bayaran sewa dan lain-lain bayaran yang berkaitan telah diselesaikan oleh pihak pembekal.
3. Meter Elektrik dan Air hendaklah di atas nama pembekal. Pembekal hendaklah menguruskan urusan pertukaran nama di Meter Elektrik dan Air.
4. Pembekal hendaklah membayar sewa trak jualan sebelum atau pada **05 hari bulan pada tiap-tiap bulan**.
5. Pembekal mesti mengemukakan senarai nama, no. kad pengenalan dan alamat pekerja serta butir-butir mengenai caruman KWSP dan Insurans Pampasan Pekerja atau Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO) kepada PPANPk.
6. Pembekal hendaklah menggunakan peralatan sendiri seperti kerusi/meja, dapur memasak dan lain-lain peralatan yang berkaitan.
7. Menjamin kebersihan keseluruhan trak jualan dan peralatan yang digunakan seperti kerusi/meja, dapur, singki, lantai dan lain-lain peralatan yang seumpamanya.
8. Jika pembekal hendak menggunakan aset jabatan, pembekal hendaklah memohon kebenaran secara bertulis terlebih dahulu kepada pihak PPANPk.
9. Pembekal mesti bertanggungjawab di atas segala kerosakan, kehilangan dan sebagainya jika telah mendapat kebenaran menggunakan aset jabatan.
10. Tidak mengubah suai ruangan trak jualan tanpa kelulusan dari pihak PPANPk.
11. Memberi layanan yang memuaskan, berbudi bahasa, cekap dan pantas kepada pelanggan.
12. Mempamerkan senarai semua barang yang dijual mengikut harga makanan yang dijual di trak jualan

13. Menjual lain-lain seperti alat tulis, cenderamata, pakaian jabatan, negeri Perak atau Malaysia
14. Tidak menggunakan mana-mana ruang dan premis trak jualan untuk tempat tidur.
15. Tidak menyimpan dan memelihara binatang atau apa-apa jenis pemeliharaan dalam premis trak jualan.
16. Semua sampah sarap hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik dan dibuang dalam tong sampah yang disediakan.
17. Semua pekerja mestilah terdiri daripada warganegara Malaysia sahaja.
18. Semua pekerja mesti berpakaian kemas, berambut pendek dan kuku dipotong pendek.
19. Memastikan semua pekerja-pekerja menjalankan pemeriksaan kesihatan dan menerima suntikan anti *typhoid* daripada Jabatan Kesihatan MBI
20. Mematuhi semua garis panduan & peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Malaysia dan Majlis Bandar Raya Ipoh yang dikeluarkan dari masa ke semasa.
21. Pekerja mesti memakai apron yang bersih dan tidak dibenarkan sama sekali merokok di dalam premis trak jualan dan premis perpustakaan.
22. Tidak dibenarkan menjual rokok, vape dan minuman keras atau lain-lain yang seumpamanya.
23. Menjelaskan bayaran bil air dan elektrik setiap bulan.

BORANG TAWARAN SEBUT HARGA

Sila lengkapkan tawaran sewa bulanan bagi menjalankan perniagaan trak jualan di Borang **A**.

JADUAL /SENARAI TAWARAN HARGA

Sila lengkapkan jadual harga bagi menu-menu yang akan dijual di trak jualan di borang Lampiran **B**.

SURAT SETUJU TERIMA TAWARAN

Sila lengkapkan Lampiran **C** selepas pembekal yang berjaya ditawarkan tawaran ini.

SURAT PERWAKILAN KUASA

Sila lengkapkan Lampiran **D**.

SURAT AKUAN PEMBIDA

Sila lengkapkan Lampiran **E**.

PROFIL DAN KEDUDUKAN PENGUSAHA

Sila lengkapkan Lampiran F bagi makluman profil pengalaman dan senarai pekerja pembekal.

PERKARA-PERKARA LAIN JIKA BERKENAAN

Sila gunakan lampiran.

LAMPIRAN Q

(Kew. 284-Pin. 5/94)

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga: 03/2020(KPK)

KERAJAAN MALAYSIA
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
NEGERI PERAK

**SEBUT HARGA MENJALANKAN PERNIAGAAN TRAK JUALAN DI BANGUNAN
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERAK**

Kepada (Nama Syarikat)
.....
.....
.....
.....

No. Telefon:

Pelawaan Sebut Harga dikeluarkan oleh,
Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak
No. 17, Jalan Raja DiHilir
30350 Ipoh, Perak
No. Telefon: 05-2491888

Tarikh: 01 Oktober 2020

No. Pendaftaran dengan Kementerian
Kewangan:

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan
dengan pembelian ini :

1. Sila beri sebut harga untuk perkhidmatan seperti yang disenaraikan di **LAMPIRAN A** tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:-
 - 1.1. Syarat Penyerahan Penyempurnaan: **dinyatakan di dalam kenyataan tawaran.**
 - 1.2. Tarikh Penyerahan Penyempurnaan dikehendaki: **14 hari dari tarikh kenyataan tawaran.**
 - 1.3. Arah Pengiriman: **Unit Pentadbiran, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak, No. 17, Jalan Raja DiHilir, 30350 Ipoh, Perak.**
 - 1.4. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda No. Sebut Harga: **Bil.03/2020 (KPK)**
 - 1.5. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat **jam 12.00 tengah hari sebelum atau pada 16 Oktober 2020**
 - 1.6. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.

Tarikh: 01 Oktober 2020

Tandatangan:

.....

Bil	Perihal barang-barang perkhidmatan dan syarat-syarat khas	Unit Ukuran	Kuantiti /Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
	<p>Kadar Sewa trak jualan di Bangunan Perpustakaan Awam Negeri Perak (PPANPk)</p> <p>*Sila sertakan sesalinan sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan</p>				
JUMLAH					

- i). Harga yang ditawarkan adalah harga bersih: dan
- ii). Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah:

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan baran-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebut
Harga:.....
Nama dan No. K/P:
Alamat Syarikat:

Tarikh:

SYARAT- SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG-BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PENYETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk menyetuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga.
- (ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbangkan sebagai suatu sebut harga berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau penujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.
- (ii) Apabila diminta penyebut harga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kemungkiran kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURAN

Tiada apa-apa insuran atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia(RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak membungkus.
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

LAMPIRAN ‘A’

TAWARAN

Bahawa saya No. Kad
Pengenalan: mengaku dan bersetuju menjalankan
perniagaan trak jualan di Bangunan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak seperti
syarat-syarat yang disebutkan dengan bayaran sewa bulanan sebanyak
RM.....(Ringgit Malaysia:)

2. Bersama-sama ini dikepulkan Kiriman Wang/Wang Pos No:
bernilai RM.....sebagai wang pertaruhan.

Tarikh :
.....

(Tandatangan dan cop syarikat)

Alamat :
.....
.....

No.Telefon :

LAMPIRAN ‘B’

JADUAL TAWARAN BEKALAN MAKANAN / MINUMAN

Nama Pengusaha :

No. Kad Pengenalan :

No.Daftar Kem.Kewangan :

(SILA GUNAKAN LAMPIRAN TAMBAHAN JIKA RUANGAN TIDAK MENCUKUPI)

MINUMAN

<u>Bil.</u>	<u>Jenis Makanan/Minuman</u>	<u>Harga Jualan</u>	<u>Anggaran</u>
		<u>Di Trak Jualan</u>	<u>Harga</u>
1.	Minuman		
	Espresso	
	Espresso Macchiato	
	Vanila	
	Green Tea	
	Cappucino	
	Mocha	
	Chocolate	
	Cortado	
	Caffe Latte	
	Flat White	
	Ristretto	
	Caffe Mocha	
	Americano	

MAKANAN

<u>Bil.</u>	<u>Jenis Makanan/Minuman</u>	<u>Harga Jualan</u>	<u>Anggaran</u>
		<u>Di Trak Jualan</u>	<u>Harga</u>

2. Makanan

Roti Sardin
Roti Sosej
Pizza
Biskut
Keropok
Cupcake
Burger
Karipap

JENIS BARANG DAGANGAN

<u>Bil.</u>	<u>Jenis Barang Dagangan</u>	<u>Harga Jualan</u>	<u>Anggaran</u>
		<u>Di Trak Jualan</u>	<u>Harga</u>

1. Barang Dagangan

Baju T-shirt
Pen Hitam
Pen Biru
Pen Merah
Pensil
Kertas A4
Kertas Warna
Buku Nota

Button Badge
Payung
Pembaris
Pemadam

PERKHIDMATAN

<u>Bil.</u>	<u>Jenis Perkhidmatan</u>	Harga Jualan	Anggaran
		<u>Di Trak Jualan</u>	<u>Harga</u>
1.	Perkhidmatan		
	Fotostat	
	Cetak Warna	
	Cetak Hitam & Putih	
	Mengimbas (Scanning)	

(SILA NYATAKAN CADANGAN MAKANAN/ MASAKAN YANG LAIN DI LAMPIRAN

Saya bersetuju memberi perkhidmatan dan menjual makanan dan minuman seperti tercatat di dalam jadual di atas.

Nama Pengusaha :

Tandatangan :

Alamat :

.....

.....

Nama Saksi :

Tandatangan :

Alamat :

.....

.....

LAMPIRAN 'C'

SURAT SETUJU TERIMA

***TIDAK PERLU DI ISI**

Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak
No. 17, Jalan Raja Di Hilir
30350 Ipoh, Perak

Tuan,

MENJALANKAN PERNIAGAAN KAFETERIA DI PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERAK

Tertakluk kepada syarat-syarat Am Sebut Harga, saya yang bertandatangan di bawah ini menawarkan bekalan/perkhidmatan/kerja yang tersebut di atas dengan jumlah harga sebanyak: RM _____ (Ringgit Malaysia: _____)

2. Saya bersetuju membekalkan bekalan/perkhidmatan/kerja yang tersebut dalam tempoh _____ sepermula yang telah dipersetujui di dalam sebut harga yang ditawarkan oleh syarikat kami. Tarikh mula membekalkan/melaksanakan bekalan/perkhidmatan/kerja yang tersebut adalah pada _____

Bertarikh pada hari bulan 2020.

.....
(Tandatangan Pembekal)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama:

Nama:

No. K/P:

No. K/P:

Alamat & No. Telefon:

Alamat & No. Telefon:

Atas Sifat/Jawatan:

Cop Syarikat:

LAMPIRAN 'D'

SURAT PERWAKILAN KUASA

Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak
No. 17, Jalan Raja Di Hilir
30350 Ipoh.

Tarikh:

Tuan,

PERWAKILAN KUASA MENANDATANGANI BAGI PIHAK SYARIKAT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa saya,
No. Kad Pengenalan: selaku pemilik syarikat akan menandatangani sendiri semua dokumen berkaitan dengan urusan **Tawaran Sebut Harga Perniagaan Trak Jualan di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak atau** mewakilkan kuasa untuk menandatangani bagi pihak syarikat untuk urusan perkhidmatan tersebut iaitu*:

Nama :
Alamat :
Jawatan :
No. Kad Pengenalan :
No Telefon :
No Faks :
Alamat emel :

3. Sehubungan itu, dikemukakan untuk makluman/ rujukan pihak tuan selanjutnya. Pihak kami akan memaklumkan kepada pihak tuan sekiranya terdapat perubahan penama bagi perkara ini secara rasmi.

Sekian, terima kasih.

.....
(NAMA:)
Jawatan:
Cop Syarikat:

* potong yang mana tidak berkenaan.

LAMPIRAN 'E'

SURAT AKUAN PEMBIDA

**MENJALANKAN PERNIAGAAN TRAK JUALAN DI PERBADANAN
PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERAK**

Saya, nombor K.P
yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak(PPANPk)** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender / sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender / sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa

3. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Balai Polis berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan: i) *Potong mana yang tidak berkenaan.
ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

LAMPIRAN 'F'

BUTIR-BUTIR PENGALAMAN PEMBEKAL

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh Lahir :

No. Lesen Perniagaan :

Pengalaman

	<u>Jenis Kerja</u>	<u>Alamat Tempat Kerja</u>	<u>Tempoh Kerja</u>
i)
ii)
iii)
iv)
v)
vi)

Nama pekerja yang membantu mengurus trak jualan PPANPk

	<u>Nama</u>	<u>No. Kad Pengenalan</u>	<u>Jantina</u>
i)
ii)
iii)
iv)
v)
vi)

1. Sila kemukakan profil syarikat
2. Sila nyatakan di lampiran jika ruang bagi nama-nama pekerja tidak mencukupi.

PERJANJIAN

PERJANJIAN ini dibuat pada.....hari bulan.....2020.

ANTARA

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERAK beralamat di No. 17, Jalan Raja DiHilir, 30350 Ipoh, Perak Darul Ridzuan (selepas ini disebut "PPANPk") pada satu pihak

DENGAN

.....(No. Pendaftaran.....) sebuah syarikat yang ditubuhkan dan didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 yang mempunyai alamat berdaftar di..... (selepas ini disebut "Pihak Pengusaha") bagi pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA Pihak Pengusaha bersetuju menjalankan perniagaan trak jualan di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak Darul Ridzuan mengikut syarat, penentuan spesifikasi yang menjadi sebahagian daripada surat-surat Perjanjian ini atau secara lain berkaitan bagi maksud-maksud Perjanjian ini:-

ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI OLEH PIHAK-PIHAK KEPADA PERJANJIANINI SEPERTI BERIKUT:

1. Perjanjian ini akan berkuat kuasa untuk satu tempoh selama dua (2) tahun mulaibagi tempoh pertama dan dengan pilihan untuk melanjutkan tempoh Perjanjian ini tidak melebihi dua (2) tahun berikutnya dengan syarat satu (1) bulan notis bertulis hendaklah diberi sebelum tamatnya tempoh perjanjian kepada PPANPk terlebih dahulu dan dipersetujui oleh PPANPk dan tertakluk kepada syarat-syarat Perjanjian ini.
2. Dalam masa Perjanjian ini berkuat kuasa pihak Pengusaha mempunyai hak-hak berikut:
 - 2.1. Pengusaha, pekerja atau ejennya dalam masa-masa yang munasabah berhak memasuki kawasan trak jualan PPANPk dan menggunakan kemudahan-kemudahan yang dibenarkan oleh PPANPk untuk menunaikan maksud dan kehendak Perjanjian ini sahaja.
 - 2.2. Pengusaha mempunyai hak yang eksklusif untuk menjalankan perniagaan menjual makanan, minuman dan barang-barang lain yang diluluskan oleh PPANPk dari masa ke semasa kepada kakitangan PPANPk dan orang ramai (selepas ini disebut sebagai "Pelanggan") dan PPANPk berhak menyenaraikan makanan dan minuman serta cara mana yang perlu makanan, minuman dan barang-barang lain tersebut patut disediakan.

3. Sebagai balasan kepada pemberian hak-hak dan kepentingan seperti di bawah Fasal 2 di atas, pihak Pengusaha dengan ini bersetuju dengan PPANPk seperti berikut:
 - 3.1. Akan membayar deposit kepada PPANPk sebanyak **RM.....** yang berupa dua(2) bulan sewaan trak jualan di PPANPk. Deposit ini perlu dibayar dalam bentuk kiriman wang atau wang pos atas nama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak dan tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat setuju diterima sebagai jaminan terhadap pelanggaran syarat-syarat Perjanjian kepada PPANPk seperti disebutkan dalam Perjanjian ini. Deposit ini akan dikembalikan kepada Pengusaha apabila Perjanjian ini tamat atau ditamatkan sama ada secara tunai atau tolakan (set-off) atas apa-apa jumlah wang yang terhutang oleh Pengusaha kepada PPANPk.
 - 3.2. Akan membayar sewa trak jualan kepada PPANPk sebanyak **RM.....** sebulan kepada PPANPk dan hendaklah dibayar pada atau sebelum **05 hari bulan setiap bulan berikutnya** tanpa dituntut sehingga Perjanjian ini tamat atau ditamatkan. Pembayaran perlu dilakukan dalam bentuk wang tunai atau cek berpalang atas nama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak.
 - 3.3. Akan membayar apa-apa jua cukai, lesen dan segala bayaran lain yang perlu dan kena dibayar seperti caj bil bekalan air, caj bil bekalan elektrik dan caj bil telefon kepada pihak berkuasa yang berkenaan.
 - 3.4. Mengadakan dan menjalankan perniagaan trak jualan untuk faedah-faedah pelanggan pada waktu-waktu yang ditetapkan seperti berikut:-
 - 3.4.1. Hari Isnin hingga Jumaat
Dari jam 8.30 pagi hingga jam 5.00 petang
 - 3.4.2. Hari Sabtu
Dari jam 9.00 pagi hingga jam 5.00 petang
 - 3.4.3. Hari Ahad
Dari jam 9.00 pagi hingga jam 5.00 petang
 - 3.5. PPANPk berhak mengarahkan Pengusaha membuka perniagaan trak jualan pada hari dan waktu yang difikirkan perlu oleh PPANPk.
 - 3.6. Akan sentiasa memastikan harga makanan dan minuman yang dikenakan ke atas pelanggan seperti di **Lampiran ‘B’** dan apa-apa perubahan mengenainya hendaklah dirujuk dan dipersetujui terlebih dahulu oleh PPANPk. Harga makanan dan minuman juga perlu dipamerkan.
 - 3.7. Akan sentiasa memastikan makanan, minuman dan barang-barang lain yang disediakan sentiasa bermutu tinggi, bersih dan halal dan sentiasa ditutup supaya terhindar dari lalat dan serangga-serangga lain.

- 3.8. Akan memastikan minuman keras dan makanan yang ditegah agama Islam tidak dibenarkan dijual dalam trak jualan ini.
- 3.9. Akan menyediakan alat-alat perkakas seperti perkakasan untuk memasak, pinggan, mangkuk, sudu, garpu, camca, cawan, piring dan gelas daripada yang bermutu, tidak rosak, sentiasa bersih dan sesuai untuk digunakan. Alat-alat perkakas yang rosak atau pecah hendaklah diganti.
- 3.10. Akan memastikan semua perabot termasuk kerusi dan meja sentiasa dalam keadaan teratur, bersih dan kemas. Semua meja makan hendaklah ditutup dengan alas meja dan kebersihannya dijaga setiap masa.
- 3.11. Akan memastikan perkhidmatan diberi dengan mesra, sopan, bersih, cekap dan memuaskan.
- 3.12. Akan memastikan pekerja-pekerja dan ejennya sentiasa berpakaian sesuai, sopan, kemas dan bersih di sepanjang masa perniagaan dijalankan.
- 3.13. Akan sentiasa menyediakan perkhidmatan menghantar makanan dan minuman yang telah ditempah untuk sesuatu mesyuarat yang diadakan oleh pihak Jabatan.
- 3.14. Akan menyediakan dan mengemukakan satu senarai pekerja yang lengkap dari masa ke semasa kepada PPANPk. Pengusaha hendaklah memastikan pekerjanya sentiasa berdisiplin, terlatih dan disahkan sihat untuk berkhidmat oleh seorang Pegawai Perubatan dan sentiasa mematuhi kehendak-kehendak undang-undang Negara sebelum mereka diambil bekerja dan sepanjang mereka diambil bekerja. Segala pertukaran, pengambilan atau pemberhentian pekerja dari masa ke semasa hendaklah dimaklumkan dengan kadar segera kepada PPANPk.
- 3.15. Akan memberhentikan atau menyingkirkan mana-mana pekerja jika diminta oleh PPANPk untuk berbuat demikian dengan syarat bahawa PPANPk tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa tuntutan yang dibuat oleh pekerja yang diberhentikan atau yang disingkirkan itu dan Pengusaha hendaklah sentiasa bertanggungjawab untuk mengindeminitikan pekerja tersebut apabila berkaitan.
- 3.16. Menggunakan hanya gas atau kuasa elektrik untuk tujuan memasak dan menyediakan makanan dan minuman melainkan cara lain telah diluluskan PPANPk.

- 3.17. Memastikan bangunan trak jualan sentiasa berada dalam keadaan baik dan bersih termasuk memastikan kawasan bangunan trak jualan bebas dari serangga serta sesuai untuk diduduki dan digunakan dengan selesa oleh pelanggan.
- 3.18. Mengelap, mencuci dan membersihkan dinding, tingkap, pintu dan lantai trak jualan dengan menggunakan bahan pencuci yang sesuai dan lantai trak jualan hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan selamat.
- 3.19. Bertanggungjawab untuk melaporkan kepada PPANPK dan membaikpulih apa-apa kerosakan ke atas trak jualan atau mana-mana kemudahan yang disediakan oleh PPANPK jika ianya berlaku atas sebab kecuaian Pengusaha, pekerja atau ejennya.
- 3.20. Membenarkan dan memberikan segala kemudahan kepada PPANPK atau ejennya pada bila-bila masa memeriksa keadaan trak jualan, perabot dan alat-alat perkakas lain yang ada, termasuk memeriksa cara penyediaan makanan dan minuman dan juga untuk apa-apa tujuan lain bersangkutan dengan perjanjian ini.
- 3.21. Menggunakan bangunan trak jualan hanya untuk maksud dan kehendak di bawah Fasal 2.1 dan 2.2 Perjanjian ini dan tidak membenarkan atau menyebabkan trak jualan atau mana-mana bahagian darinya digunakan untuk tujuan lain, melainkan setelah mendapat kebenaran bertulis dari PPANPK terlebih dahulu.
- 3.22. Tidak melucutkan hak menyewa atau melepaskan trak jualan atau mana-mana bahagian daripadanya atau menyewa (sub-let) kepada mana-mana orang lain tanpa kebenaran bertulis dari PPANPK terlebih dahulu.
- 3.23. Tidak merosakkan atau mengubahsuai mana-mana dinding, lantai atau mana-mana bahagian trak jualan dan peralatan/alat kelengkapan yang disediakan seperti dalam Lampiran 'B' atau membuat pengubahsuaihan dalaman atau pada bahagian luar trak jualan tanpa kebenaran bertulis dari PPANPK terlebih dahulu.
- 3.24. Tidak membuat atau membenarkan atau membiarkan dibuat apa-apa sahaja perbuatan di trak jualan yang mungkin boleh menyusahkan, menyebabkan kegusaran atau mengganggu ketenteraman atau menghalang pelanggan mendapatkan perkhidmatan dengan selesa dan sempurna dan tidak menjejaskan keselesaan kepada bangunan-bangunan atau penduduk lain yang berdekatan.

- 3.25. Tidak mempamerkan sebarang bentuk iklan atau tanda perniagaan yang lain kecuali nama PPANPk dan Pengusaha dalam format, bentuk dan jenis yang diluluskan oleh PPANPk di tempat yang ditetapkan dan diperuntukkan oleh PPANPk di trak jualan
- 3.26. Merokok dan penjualan rokok tidak dibenarkan di dalam trak jualan
- 3.27. Tidak membenarkan apa-apa binatang ternakan atau binatang-binatang lain dipelihara atau dibiarkan berkeliaran di dalam atau di sekitar trak jualan
- 3.28. Apa-apa kerosakan kepada jalan, parit atau harta benda kerajaan/PPANPk yang disebabkan oleh kenderaan dan sebagainya yang digunakan untuk membawa masuk barang-barang ke trak jualan hendaklah sentiasa diganti dan dibaiki oleh Pengusaha supaya ianya sesuai digunakan dan sentiasa berada di dalam keadaan baik.
- 3.29. Akan memelihara trak jualan dan kelengkapan-kelengkapan serta pemasangan-pemasangan di dalamnya, sepanjang tempoh perjanjian ini, supaya berada dalam keadaan baik dan sesuai diduduki.
- 3.30. Akan membenarkan PPANPk dan ejen-ejennya pada setiap masa yang munasabah masuk ke dalam bangunan trak jualan bagi maksud memeriksa kedudukan dan keadaannya serta menjalankan kerja-kerja membaiki bangunan trak jualan
- 3.31. Akan menyerahkan kembali dengan sempurna dan baik kepada PPANPk, trak jualan yang disewa itu berserta dengan kelengkapan-kelengkapan atau pemasangan-pemasangan padanya yang jika ditanggalkan akan merosakkan bangunan itu apabila tempoh Perjanjian ini tamat atau ditamatkan. Pengusaha, bagaimanapun boleh memindahkan mana-mana kelengkapan-kelengkapan atau pemasangan-pemasangan yang dipasang olehnya selepas menandatangani apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh pemindahan itu.

4. ADALAH DENGAN INI JUGA DIPERSETUJUI:-

- 4.1. Sekiranya bayaran sewa bulanan atau bayaran-bayaran lain tidak dibayar dalam masa lima (5) hari dari tarikh sepatutnya dibayar (sama ada dituntut secara rasmi atau tidak) faedah pada kadar 12% setahun akan dikenakan terhadap Pengusaha sehingga sewa atau bayaran itu dijelaskan.

- 4.2. Sekiranya Pengusaha tidak dan gagal mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh PPANPk seperti di Fasal 3.1 hingga 3.31. Pengusaha akan dikenakan denda sebanyak **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** bagi satu (1) hari kepada pihak Pengusaha sehingga peraturan-peraturan tersebut dipatuhi.
- 4.3. Pengusaha tidak mempunyai kuasa dalam sebarang keadaan kuasa dan hak melalui perjanjian ini untuk bertindak atau menganggap beliau dalam apa jua cara sebagai ejen PPANPk bagi apa-apa tujuan.
- 4.4. PPANPk tidak dalam apa jua keadaan bertanggungjawab terhadap Pengusaha ke atas apa-apa hutang oleh pelanggan dan PPANPk juga tidak bertanggungjawab untuk membantu dalam hal pemungutan hutang-hutang tersebut.
- 4.5. Tanpa prejudis (*without prejudice*) kepada hak PPANPk untuk mengambil apa-apa jua tindakan undang-undang. PPANPk boleh merampas semua atau mana-mana bahagian dari jumlah deposit yang ditetapkan di bawah Fasal 3.1 Perjanjian bagi tujuan menjelaskan sebarang hutang yang perlu dibayar oleh Pengusaha kepada PPANPk di bawah Perjanjian ini.
- 4.6. Tanpa menjelaskan kehendak Fasal 4.1 Perjanjian ini adalah dipersetujui sekiranya sewa bulanan atau apa-apa bayaran yang dikenakan atau mana-mana bahagian darinya tidak dijelaskan selepas tujuh hari (7) hari dari tarikh sepatutnya dibayar (sama ada dituntut secara rasmi atau tidak) atau sekiranya ada apa-apa syarat atau kehendak Perjanjian ini telah tidak dipatuhi atau tidak dilaksanakan oleh Pengusaha atau sekiranya pengusaha menjadi bankrap atau telah melucut hak dalam perjanjian ini untuk kepentingan pemutang-pemutang atau telah memasuki satu perjanjian atau membuat sebarang perjanjian atau perkiraan dengan pemutang-pemutangnya untuk melupuskan hutang-hutang dengan apa cara sekalipun atau pelaksanaan undang-undang telah dikenakan ke atas asetnya atau sekiranya lesen perniagaan untuk mengusahakan kantin ini gagal diperbaharui maka dengan keadaan seperti tersebut di atas, PPANPk berhak bila-bila masa menamatkan Perjanjian ini tetapi tanpa prejudis kepada hak PPANPk untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas apa-apa pelanggaran Perjanjian ini atau mana-mana syarat Perjanjian ini oleh Pengusaha atau hak-hak PPANPk yang telah sedia ada terdahulu daripada ini.
- 4.7. Sekiranya tahap perkhidmatan yang diberikan tidak memuaskan seperti kebersihan, layanan, menu makanan dan lain-lain seumpamanya, setelah diadakan perbincangan di antara kedua-dua pihak tetapi tiada sebarang perubahan yang dilakukan oleh Pengusaha maka pihak PPANPk boleh menamatkan perkhidmatan perniagaan trak jualan dan perjanjian ini dengan

memberi kepada pihak Pengusaha tiga puluh (30) hari notis secara bertulis mengenai penamatan perkhidmatan trak jualan dan perjanjian ini.

- 4.8. Tanpa menjaskan kehendak-kehendak Fasal 4.1 dan 4.5, Perjanjian ini boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak dengan memberi kepada pihak yang satu lagi sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari notis secara bertulis mengenai niatnya untuk menamatkan Perjanjian ini.
- 4.9. Kerajaan boleh melantik Jawatankuasa Pengurusan untuk mengendalikan dan menyelia perjalanan trak jualan untuk memastikan syarat-syarat dan peraturan dalam Perjanjian ini dipatuhi sepenuhnya oleh Pengusaha.

5. ADALAH DENGAN INI JUGA DIPERSETUJUI OLEH PIHAK-PIHAK KEPADA PERJANJIANINI SEPERTI BERIKUT:-

- 5.1. Atas permintaan bertulis daripada Pengusaha yang dibuat satu (1) bulan notis sebelum tamat Perjanjian ini, PPANPK boleh melanjutkan Perjanjian ini. PPANPK hendaklah melanjutkan Perjanjian ini selama tempoh masa yang akan dipersetujui di antara PPANPK dan Pengusaha dengan kadar sewa yang akan dipersetujui dan tertakluk kepada persetujuan peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat sebagaimana yang terkandung dalam Perjanjian ini kecuali dan melainkan syarat ini dipersetujui selainnya.
- 5.2. Apa-apa notis yang dikehendaki diberi di bawah Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan menjadi penyampaian yang cukup kepada Pengusaha jika dialamatkan kepada PPANPK dan dihantar melalui pos berdaftar yang berbayar.
- 5.3. Penamatan Perjanjian ini tidak akan memperjudiskan sebarang hak yang telah sedia ada bagi setiap pihak di bawah Perjanjian ini.
- 5.4. Kedua-dua pihak kepada Perjanjian ini akan dibebaskan dari obligasi masing-masing di dalam keadaan susutan yang lazim, darurat, peperangan, rusuhan, peraturan larangan kerajaan, ribut, taufan, kebakaran, atau oleh sebab-sebab yang diluar kawalan pihak-pihak dalam Perjanjian ini menyebabkan pelaksanaan Perjanjian ini mustahil.
- 5.5. Perjanjian akan berkuat kuasa mengikut undang-undang di Malaysia di dalam setiap aspek termasuk pembentukan dan pentakrifan dan akan disifatkan sebagai telah dibuat di Malaysia.
- 5.6. Pengusaha hendaklah membayar segala kos dan perbelanjaan yang berkaitan dengan perjanjian ini.

- 5.7. Masa bila dirujuk adalah menjadi asas kepada Perjanjian ini.
- 5.8. Jika berlaku sebarang kemungkiran oleh sebarang pihak terhadap mana-mana syarat yang ditetapkan di bawah Perjanjian ini, pihak yang lagi satu bolehlah menyerahkan suatu notis bertulis (Notis Kemungkiran) yang menyatakan tentang kemungkiran itu serta mengenai tindakan-tindakan atau langkah-langkah yang perlu diambil untuk meremedikan kemungkiran tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan di dalam notis. Dengan syarat kegagalan mana-mana pihak mematuhi Notis Kemungkiran itu boleh menyebabkan Perjanjian ini ditamatkan mengikut Fasal 4.5 Perjanjian ini.
- 5.9. Pihak-pihak kepada Perjanjian ini bersetuju untuk mematuhi segala ketetapan undang-undang ordinan, peraturan-peraturan atau undang-undang ordinan, peraturan-peraturan atau undang-undang kecil, arahan atau pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan/ Pihak Berkuasa Negeri dan PPANPk.
- 5.10. Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan yang dibuat secara bertulis oleh PPANPk selepas tarikh kuat kuasa Perjanjian ini hendaklah menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.
- 5.11. Dalam Perjanjian ini dikecualikan jika terdapat sesuatu di dalam subjek atau konteks yang menyalahi pengertian atau kecuali yang dinyatakan sebaliknya.
 - 5.11.1. Perkataan-perkataan yang memberi maksud gender maskulin sahaja mestilah mengandungi maksud gender feminine dan begitu juga sebaliknya.
 - 5.11.2. Perkataan-perkataan di dalam nombor mufrad sahaja mestilah termasuk nombor jamak dan begitu juga sebaliknya.
 - 5.11.3. Perjanjian ini hendaklah mengikat kedua-dua pihak PPANPk dan Pengusaha, pengganti atau pemegang serah hak yang dibenarkan masing-masing.

5.12. Setiap notis yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak dalam Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan dialamatkan kepada alamat berikut:-

Kepada PPANPk:

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERAK,

No. 17, Jalan Raja DiHilir,

30350 Ipoh,

Perak Darul Ridzuan.

No. Tel : 05-2491888

No. Faks : 05-2491887

*(Encik Muhammad Salehuddin bin Zainal Mazri)

Tel: 05-2491881 / 013-9587030

Kepada Pihak Pengusaha:

5.13. Pengusaha hendaklah memaklumkan pihak PPANPk secara bertulis sekiranya berlaku sebarang pertukaran alamat dalam tempoh empat belas (14) hari.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS maka pihak-pihak yang tersebut dalam Perjanjian ini menurunkan di sini tandatangan–tandatangan mereka pada hari bulan dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani oleh:

Nama :)

No. Kad Pengenalan :)

Jawatan : Pengarah)

Bagi pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak

Di hadapan saksi:

Nama :)

No. Kad Pengenalan :)

Jawatan : Penolong Pegawai Tadbir)

Bagi pihak Pengusaha

Nama :)

No. Kad Pengenalan :)

Jawatan : Pengurus Syarikat)

Di hadapan saksi :

Nama :)

No. Kad Pengenalan :)

Jawatan :)

Cop Syarikat :)